

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH
[Lenggong]**

NO. SOALAN : 49

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan status pembinaan jalan antara
Kg. Luat, Kg Beng Lenggong ke Intan Suraya, Sungai
Siput.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Bukit Sapi – Chepor – Luat – Kg. Beng – Kg. Intan Suraya Fasa 3 (Kampung Beng ke Batu Reng), Hulu Perak merupakan projek yang disenaraikan di bawah program JALB RMKe-10 (*Rolling Plan* Pertama) dengan siling diluluskan oleh UPE, JPM berjumlah RM100,000.00. Pelaksanaan projek ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 4.6km, berdasarkan piawaian R3 dan 3 unit jambatan dengan anggaran kos berjumlah RM60.8 juta.

Namun begitu, memandangkan kos pembinaan projek ini terlalu tinggi, Kementerian telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan projek ini dan melaksanakan Projek Kampung Talong Luat ke Kampung Beng – Kampung Batu Reng dengan menggunakan skop jalan kampung. Pelaksanaan projek ini melibatkan pembinaan sepanjang 7.5km dengan kos berjumlah RM2,355,800.65 dan telah disiapkan sepenuhnya pada 16 Januari 2012.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Kg. Beng Ke Kg. Raja Intan Suraya, Hulu Perak telah disenaraikan dalam cadangan projek pembangunan untuk dilaksanakan dibawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2016 dan akan diangkat semula kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk kelulusan. Namun begitu, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.